

**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3  
KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF  
TINGKATAN 5 2021**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
  2. *Jawab semua soalan Bahagian A.*
  3. *Jawab mana-mana tiga soalan daripada Bahagian B.*
  4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
  5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Selamat mengulangkaji dari telegram  
Channel @soalanpercubaanspm

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak .

[Lihat halaman sebelah

**Bahagian A**  
**[40 markah]**  
**Jawab semua soalan**

1.

Selepas semua itu terputus daripada badan, dia hanyalah seorang arwah. Yang tidak punya apa-apa, kecuali amal jariah dan kasih sayang yang ditinggalkannya semasa dia masih berkuasa. Dan itu pun bukan sebanyak mana. Cuma Pak Dol dan Mak Limah yang menangisi jenazah Abang Said. Hal ini kerana Abang Said pernah membantu pembedahan Mak Limah semasa beliau sakit jantung dahulu. Hanya mereka ini yang mendapat tempias rezeki Abang Said. Dan mereka ingat. Jasa itu sampai ke hati mereka. Seperti salam mereka yang bertudung labuh.

Dipetik daripada cerpen *Perspektif* karya Nf Abdul Manaf

Nyatakan **satu** persoalan berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut.

[ 4 markah ]

2.

Ketika tidur di kakimu  
memeluk bayangan silam  
berselimutkan kisah sejarah  
yang penuh sindiran alam  
berbantalkan legenda rimba  
kidung seorang puteri.

Dipetik daripada sajak *Belajarlah Memahaminya-Gunung Legenda*  
karya Shapiai Muhammad Ramly.

Berikan **maksud** gaya bahasa hiperbola berserta contoh yang terdapat dalam petikan sajak tersebut. [4 markah]

3.

MAT PIAH : Tak ada rezeki nampaknya aku hari ni. Sehari suntuk kayuh sampai cekang urat betis, tak dapat sekeping pun. Nasib ... nasib. (*MAT PIAH mengeluh sendirian*)

(*Dari sudut gelap di belakang MAT PIAH, muncul JAMES BLACKWAY berpakaian tentera armada Inggeris zaman Francis Light. Wajah BLACKWAY pucat lesi seperti mayat. Dia menghampiri MAT PIAH senyap-senyap dari belakang*).

MAT PIAH : Pergi menggeruh di Padang Kota lagi bagus. (*Bercakap sendiri*)

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr. Blackway*,  
karya Mahizan Husain

Nyatakan **dua** teknik plot berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut.

[ 4 markah ]

4.

Maka kata budak miskin itu, "Harap diampun Duli Tuanku Syah Alam, akan patik ini orang yang hina miskin ini, patik pohonkan cincin tuanku yang di dalam mulut tuanku serta patik haraplah sangat-sangat kepada tuanku."

Setelah raja naga itu mendengar kata anak miskin itu, maka datanglah belas dalam hatinya akan budak itu seraya katanya, "Baiklah, kerana engkau sudah kuambil jadi cucu kepada aku dan jikalau lain daripada engkau tiadalah aku berikan cincinku ini. Adapun akan gunanya cincin ini terlalulah amat kesaktiannya. Jikalau ada seribu orang sekalipun cucuku hendak beri makan dengan seketika itu juga keluarlah hidangannya itu dengan berbagai-bagai rupanya."

Dipetik daripada sastera Hikayat dalam teks *Nilai Insan*.

Nyatakan **dua** nilai berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tersebut. [4 markah]

5.

Mereka menatap gambar dan mendengar pita suara itu berkali-kali. Kini, pencipta kamera eksperimental itu tahu, benar-benar tahu, abang tuanya tidak menghilangkan diri ke Amerika. Abang tuanya telah dilenyapkan dengan kejam di bawah gunung berapi Gora-Gora.

Berkatalah temannya. Bagaimanakah kalau, seperti keinginan abang tuamu sebelum dia dibunuhi, kau bawa perkara ini ke pengadilan?

Dipetik daripada Novel *Naratif Ogonshoto*, karya Anwar Ridhwan.

Nyatakan **satu** pengajaran berserta contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut.

[4 markah]

6.

#### PUISI A

Empat lima kuda di medan,  
Kuda tengkot ke depan juga;  
Bukan panglima rupanya tuan,  
Makanya takut masuk berniaga.

#### PUISI B

Barang siapa mungkir janji,  
Namanya tentu menjadi keji.  
  
Kalau diri kena angkara,  
Turutlah susah sanak saudara.

Dipetik daripada Teks *Nilai Insan*.

Bandingkan **dua** bentuk bagi puisi A dan puisi B yang terdapat dalam petikan tersebut.

[4 markah]

7.

...Wahai, kakang!" Ketika itu ia terlihat akan luka di dada Ken Tambohan. Ia pun rebah lalu pengsan. Maka Wira Wani pun berlari mengambil air dan dicucurnya Raden Menteri dengan air itu. Seketika kemudian sedarlah ia kembali lalu bangun meriba jenazah isterinya itu. Sambil meriba itu ia bersabda, "Wahai adinda, hilanglah adinda! Tidaklah kakang dapat cari tuan lagi. Tuanlah nyawa dan jiwa kakang, wahai dewa susunan, emas tempawan! Jika kakang tahu tuan akan jadi begini tentulah kakang tidak meninggalkan tuan.

"Wahai utama jiwa, tidaklah tuan hilang seorang diri sahaja! Biarlah kakang pergi bersama-sama." Habis berkata-kata itu ia pun menghunus keris lalu menikam dadanya sendiri. Maka mangkatlah ia.

Dipetik daripada sastera Panji dalam teks *Nilai Insan*.

Berdasarkan petikan, Raden Menteri digambarkan telah membuat suatu tindakan yang terburu-buru.

Sarankan **dua** perwatakan yang sepatutnya ada pada watak Raden Menteri dalam menghadapi situasi tersebut. [4 markah]

8.

Percayalah kepadaku, jawab guru itu. Kita tunggu kajian alam sekitar diumumkan. Projek itu mesti dibatalkan. Pedalaman Kuri ini tidak akan berubah menjadi padang golf. Aku berani bertaruh jari hantuku!

Mereka tercengang memandang guru itu. Mula-mula wajahnya, kemudian tapak tangan kanannya. Mereka berfikir-fikir, mungkinkah dugaan terus memburu guru kidal ini sejak dari Tatamanu lagi, di pedalaman Kuri ini, dan ke mana-mana sahaja guru ini akan pergi? Tetapi, yang nyata, keyakinannya luar biasa. Dia telah mempertaruhkan jari manis kerana percaya akan kebebasan yang bertanggungjawab, tetapi taruhannya menjadi sia-sia. Sekarang dia mempertaruhkan jari hantunya pula.

Dipetik daripada Novel Naratif *Ogonshoto*, karya Anwar Ridhwan.

Berikan **dua** perwatakan guru kidal berserta contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [4 markah]

9.

Sahat membayangkan setiap hari Bukit Emas bakal digondolkan untuk diniagakan tanah kuning dan batu batannya. Sahat membayangkan keadaan setiap pokok durian, pokok rambutan, cempedak dan langsat penduduk kampung Kuah yang menghijau di Bukit emas akan tumbang menyembah bumi. Selama ini pokok buah-buahan di Bukit Emas telah menjadi punca rezeki mereka dan menjadi pemikat orang luar termasuk pelancong berkunjung ke Kampong Kuah di kaki Bukit Emas .

Dipetik daripada cerpen *Bukit Emas* karya Mufidah Hanum Yusuf

Nyatakan **satu** isu masyarakat berserta contoh yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut. [4 markah]

10.

ANNA : Aku tahu sia-sia saja aku duduk lebih lama lagi bersamamu, Zaki. Kau ahli sejarah, mempunyai kesetiaan yang kuat terhadap bangsa dan tanah airmu. Barangkali, mempunyai banyak prasangka terhadap diriku, anak kepada Thomas Carpenter bekas pengurus estet, bangsa Inggeris yang pernah menduduki negerimu. Barangkali waktu inilah aku tahu kita emang tak sesuai. Aku tak akan minta maaf padamu, Zaki . . .

ZAKI : Memang, aku sayangkan bangsa dan negaraku, Anna. Tetapi ini tak menegahku daripada bersikap rasional.

Dipetik daripada drama *Anna*,  
karya Kemala:

Nyatakan **satu** unsur patriotisme beserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut. [4 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

Jawab mana-mana **tiga** soalan sahaja.

11. Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Citra Pelangi 1Malaysia**

Kita berfikir tentang sejuta mimpi  
yang tumbuh rendang  
dari lena dari tidur dari sepi malam  
mari kita himpukkan angannya  
menjadi mentari pagi.

Kita menyulam sejuta jiwa  
yang bergetar dalam riak rasa berbeza  
menjadi sebuah lagu cinta  
lirik perpaduan seni senegara  
rentak fikir bersama berpadu  
inilah muzik satu hati sejiwa  
rumpun pelbagai bangsa satu bahasa  
berlagu senada menari langkah sekata.

Kita menghulur jemari hati  
menghantar pesan seloka  
mengirim diksi dari langit  
mantera dari rumpun Melayu  
air mawar dari sumur nusantara  
satukan menjadi jamu cinta  
kita santap dalam pentas terbuka  
di anjung pelbagai sejuta budaya  
duduk-duduk berlamalah di sini  
sambil menganyam citra pelangi  
di wajah 1Malaysia  
kelak kita menjadi lebih faham  
perlunya berfikir dan bertindak  
dalam bersatu  
berbeza dan berselisih itu boleh  
tetapi kemudian bersatu  
tanah air kita tiada dua  
hanya satu.

A. Halim Ali

*Dewan Sastera, April 2011*

Dewan Bahasa dan Pustaka

Dipetik daripada sajak Citra Pelangi 1 Malaysia karya A. Halim Ali

- (a) Jelaskan **nada** yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]  
 (b) Huraikan **empat** gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [8 markah]  
 (c) Cipta sebuah sajak yang bertemakan **cinta akan tanah air**. Panjangnya sajak tersebut hendaklah antara 12 hingga 15 baris. [8 markah]

12. Berdasarkan cerpen Profesor Sufi karya A. Rahmad :

- (a) Huraikan **dua** latar tempat yang terdapat dalam cerpen tersebut. [6 markah]  
 (b) Jelaskan **dua** unsur keagamaan yang terdapat dalam cerpen tersebut. [6 markah]  
 (c) Berdasarkan cerpen tersebut, cipta sebuah cerpen yang bertemakan **kegigihan menuntut ilmu**. Panjang cerpen tersebut hendaklah tidak kurang daripada **80 patah perkataan**. [8 markah]

13. Berdasarkan drama *Anna* karya Kemala:

- (a) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam drama tersebut. [4 markah]

MAK MUNAH : Diam, cu. (*Berdoa*) Ya Allah, selamatkan rumah tangga Zaki. Selamatkan Anna. Selamatkan Tina. (*Mengesat air matanya dengan selendang*). Zaki, Anna tak pulang lagi?

ZAKI : Entahlah mak, terpulanglah padanya ... .

DR. CHAN : Sabar, mak cik. Biarkan Anna bertenang dulu.

ZAKI : Ya, dia perlukan banyak waktu. Kuharap dia akan tahu juga terhadap nilai kasih sayangku, doktor. Walaupun Anna pergi, ibuku mesti melihat dunia kembali. Dan pada engkaulah, doktor kuharap akan memberikan ibuku cahaya hidupnya kembali. Ibuku mesti melihat. Biar dia melihat Tina, cucunya. Dan melihat aku, anaknya kembali.

DR. CHAN (dengan tenang) : Ya, Zaki. Aku akan cuba sedaya upayaku. Doakan saja. Semuanya dalam kuasa Tuhan belaka.

Dipetik daripada drama *Anna*, karya Kemala

- (b) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan drama tersebut. [8 markah]  
 (c) Berdasarkan kreativiti anda, cipta sebuah skrip drama bertemakan **kepentingan menjaga kesihatan**. Skrip drama tersebut hendaklah **tidak kurang daripada lapan dialog**. [8 markah]

14. Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya

### SELOKA TAK BERIKHTIAR SENDIRI

I

Banyak orang berangan-angan tinggi,  
Ingin mencapai itu dan ini,  
Tetapi tak mahu bersusah diri,  
Untuk menyampaikan cita-cita pujaan hati,  
Mereka suka minta tolong, minta beri.

Banyak orang hanya suka meminta bantu,  
Memohon pertolongan di sana situ,  
Atau berdoa sebilang waktu,  
Atau menyusahi ayah dan ibu – jadi kutu,  
Sebagai anak kecil yang masih menyusu.

Mengapa sentiasa mengharap ibu bapa?  
Mengapa masih mahu menadah meminta-minta?  
Manusia disuruh "beramal", berusaha:  
Sendirilah, selam lautan dalam!  
Sendiri rempuh belukar tebal yang kelam!  
Malulah kalau hanya tahu menyusah,  
Kalau selalu meminta kepada ibu dan ayah,  
Bahkan, walaupun kepada Allah,  
Suka menadah dan tertadah-tadah,  
Suka menjadikan diri peminta sedekah,  
Tetapi tak banyak usaha dan ikhtiar sendiri.

II

Orang yang suka meminta-minta, walau berjaya,  
Walaupun meminta kepada Tuhan Maha Kaya,  
Tetapi tiada beramal ikhtiar sendiri,  
Tidak berusaha memakai tenaga diri,  
Orang yang asyik dipeluk gelombang manja,  
Yang tak tahu menelan pahit maung bekerja.

Akan matilah kemerdekaan jatinya,  
Akan tipislah semangat perjuangannya,  
Akan rendahlah pandangan orang kepadanya,  
Akan hilanglah harga dirinya,  
Akan jatuhlah darjat manusianya!

*Kalung Bunga 2008,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.*

Dipetik daripada Puisi Tradisional dalam antologi *Nilai Insan*

- (a) Jelaskan **tema** bagi seloka tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **empat** bentuk puisi tersebut. [8 markah]
- (c) Jelaskan **dua** pandangan anda terhadap maksud rangkap puisi tersebut. [8 markah]

15. Berdasarkan Novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan Sasterawan Negara:

- (a) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam novel tersebut. [4 markah]
- (b) Jeneral digambarkan seorang pemimpin yang mempunyai ciri-ciri kepemimpinan yang hebat. Berdasarkan **bab 2 : Jeneral** dalam novel tersebut, jelaskan **dua** ciri kepemimpinan yang ada pada watak Jeneral. [8 markah]

Dia keluar teksi lalu melangkah ke arah rumah yang tampak uzur dan sepi. Pintu pagar rumah itu terbuka. Rumput-rumput tumbuh liar di pekarangan. Laluan masuk yang bersimen telah berlumut. Pintu rumah itu melopong dan jendela-jendelanya terbuka luas.

Dia menghampiri pintu, ingin masuk, tetapi langkahnya terhenti kerana dia terdengar ...

Dipetik dari novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan

- (c) Berdasarkan kreativiti anda, **sambung** petikan tersebut menjadi sebuah cerita yang menarik. Panjangnya cerita hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan. [8 markah]

16. Berdasarkan Sastera Hikayat : Hikayat Parang Puting dalam teks Nilai Insan :

Maka tiada berapa lamanya ia berjalan itu maka sampailah ia kepada negeri tempat bondanya itu. Maka budak itu pun berjalanlah menuju rumah bondanya itu. Setelah bondanya melihat anaknya datang itu, maka bondanya pun terlalulah suka hatinya, seraya ia bertanya kepada anaknya itu katanya, "Ke manakah anakku pergi selama ini dan berapa kali kusuruh cari tiada juga bertemu?" Maka sahut budak itu, "Beta pergi mengikut anak ular itu." Maka diceterakan hal ehwalnya itu dari mulanya mengikut ular itu datang kepada kesudahannya.

Dipetik daripada sastera Hikayat dalam teks *Nilai Insan*.

- (a) Jelaskan **dua** teknik plot yang terdapat dalam petikan prosa tersebut. [4 markah]
- (b) Huraikan **dua** perwatakan budak miskin yang terdapat dalam prosa tradisional tersebut. [8 markah]
- (c) Berdasarkan cerita tersebut, hasilkan sebuah karya adaptasi dalam bentuk syair yang bertemakan **kegigihan**. Syair tersebut hendaklah **ditulis dalam dua rangkap**. [8 markah]

#### KERTAS SOALAN TAMAT

Muat turun percuma di telegram @soalanpercubaanspm